

Headline	FRIM ajak tanam pokok peringatan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	23	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	262 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,178
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,535



# FRIM ajak tanam pokok peringatan

**I**NSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menjemput orang ramai untuk menyertai aktiviti penanaman pokok peringatan di kampusnya di Kepong sempena Hari Hutan Antarabangsa 2017 (IDF2017) Peringkat FRIM pada 25 Mac ini.

Ketua Komunikasi Korporat FRIM, **Norhayati Nordin** berkata, pada hari tersebut sebanyak 50 pokok disediakan untuk penanaman peringatan oleh orang ramai yang berminat.

“Cuma e-mel kepada kami ke alamat *frim\_ccu@frim.gov.my* sebelum 20 Mac dengan satu esei tidak melebihi 100 patah perkataan yang menceritakan apa yang anda ingin memperingati menerusi aktiviti ini,” katanya.

Katanya, tema IDF2017 peringkat antarabangsa adalah *Hutan dan Tenaga* mengambil pendekatan berbeza iaitu FRIM mendefiniskan tenaga bukan sebagai bahan api tetapi tenaga dalam setiap insan yang menzahirkan rasa cinta.

Beliau berkata, IDF2017 FRIM bertemakan *Semarakkan dengan Cinta* mencerminkan kepentingan tenaga yang dirasai ketika berada di dalam hutan dan dikelilingi pokok-pokok sebagai kuasa kehidupan yang sering diperkatakan oleh banyak budaya lama dunia.

Katanya, di India, ia dikenali sebagai ‘prana’; di China, ‘chi’, di Jepun, ‘ki’, dan bagi penduduk asli Amerika, *the Great Spirit*. Bagi semua budaya ini dan yang lain-lain juga, konsep kuasa kehidupan ini adalah penting dalam perubatan dan penyembuhan.

Tenaga positif ini memberi semangat dan kebahagiaan. Dengan menjelajah ke dalam hutan dan dikelilingi pokok-pokok, kita dapat meningkatkan tenaga serta ketenangan jiwa.

“Oleh itu, FRIM meraikan IDF2017 dengan merangkul tenaga positif yang ada dalam hutan terutama menerusi

aktiviti menanam pokok yang dilaksanakan di samping memberi peluang kepada orang ramai untuk memperingati orang dikasih atau peristiwa yang penting dalam hidup mereka,” kata Norhayati lagi.

Tujuan sambutan IDF2017 adalah untuk menggalakkan penanaman pokok bagi penyembuhan, bagi memperingati peristiwa penting, bagi penghijauan dan penyejukan bumi, menyediakan makanan untuk hidupan liar, serta sebagai perbuatan yang mulia atau luahan rasa sayang.

Ia juga memberi peluang kepada keluarga untuk berkumpul dan bersama-sama menikmati alam semula jadi, selain daripada membolehkan masyarakat setempat untuk lebih melibatkan diri dalam usaha penjagaan FRIM

sebagai Warisan Semula Jadi, Warisan Kebangsaan dan bakal Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Antara aktiviti-aktiviti lain untuk penyertaan orang ramai termasuk, *Love My Accessory* iaitu permainan bagi 20 kanak-kanak berumur antara tujuh hingga 12 tahun untuk menggubah bunga, daun, ranting dan rumput bagi menghasilkan aksesori fesyen; *Love My Trees* bagi 30 pelajar Tingkatan Tiga adalah aktiviti pengenalan pokok bertujuan meningkatkan kesedaran serta kemahiran dalam pengecaman pokok-pokok diterokarpa yang merupakan komponen utama Hutan Hujan Tropika dan *Love My Photos* iaitu pameran gambar penyertaan Pertandingan Fotografi FRIM 2016 di muzium dari pukul 9 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Bayaran kemasukan dikecualikan untuk semua pengunjung ke FRIM pada 25 Mac. Untuk maklumat lanjut atau pendaftaran aktiviti, sila hubungi Maria Arlene melalui talian 03-62797529 /maria@frim.gov.my) atau Nur Afniza (03-62797590 / nurafniza@frim.gov.my).



**NORHAYATI NORDIN**